

Najib ada kuasa mutlak

UM - 15/9/2020 mlb: 12

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mempunyai kuasa mutlak dalam syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan berhak untuk campur tangan dalam keputusan syarikat berkenaan.

Hal ini menyebabkan pihak pengurusan syarikat itu mengalami kesukaran menjana keuntungan dan mengembangkan perniagaan sehingga boleh menjejaskan prestasinya.

"Ini dapat dilihat sekiranya ada cadangan yang dilihat tidak menguntungkan syarikat dan walaupun ahli lembaga pengarah (BOD) membuat keputusan untuk mengubah atau tidak meneruskan cadangan tersebut namun dengan adanya campur tangan Najib ia mungkin akan diteruskan kerana terdapatnya Klausula 117 Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat 1MDB," kata bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Mohd. Hazem Abd. Rahman.


Tambah saksi pendakwaan ke-10 itu, Klausula 117 adalah sesuatu yang luar biasa keputusan BOD adalah dibatasi oleh Perdana Menteri sedangkan kedudukan BOD adalah untuk menjaga kepentingan pemegang saham.

Selain itu, ada kalanya ketika menjalankan proses tadbir urus, akan terdapat beberapa resolusi telah ditandatangani oleh Ahli Parlimen Pekan itu dan sebelum menyuarat BOD diadakan yang menunjukkan Najib telah memberi kelulusan awal.

Saksi tersebut berkata demikian pada perbicaraan kes Najib yang didakwa atas 25 tuduhan pengubahan wang haram dan salah guna kedudukan serta penyelewengan dana berjumlah RM2.28 bilion di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Menjelaskan keadaan 1MDB selepas menggantikan bekas CEO 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi pada 2013, saksi itu memberitahu, beliau mula menyedari kedudukan kewangan itu bermasalah kerana terlampau banyak hutang luar dan dalam negara yang tidak mungkin boleh dibayar balik lantaran projek-projek yang dirancang oleh Jho Low.

Pada ketika itu juga, Mohd. Hazem menyatakan dana 1MDB di dalam negara telah kehabisan dan dana syarikat yang berada di luar negara tidak boleh dibawa balik untuk membayar hutang syarikat dan pembiayaan projek-projek.



MOHD. HAZEM ABD. RAHMAN

"Saya pernah beberapa kali menyuarakan perkara ini kepada Datuk Azlin dan Tan Sri Lodin agar perkara ini dibawa kepada pengetahuan Datuk Seri Najib. Jawapan yang saya terima ialah Datuk Seri Najib ambil maklum akan dana-dana di luar negara namun pada akhir 2014, Datuk Seri Najib maklumkan kepada Tan Sri Lodin bahawa dana-dana di luar negara tidak boleh dibawa pulang," katanya.

Tambahnya, jawapan tersebut adalah bertentangan dengan etika perniagaan yang mana ketika syarikat memerlukan dana, keutamaan ialah menggunakan dana sedia ada dan bukannya menjual aset atau menerbitkan dana melalui pinjaman-pinjaman lain.

"Saya merasakan ada perkara yang tidak betul berkenaan pengurusan dana-dana 1MDB di luar negara tetapi saya tidak mempunyai kuasa untuk mengetahui status dana tersebut kerana kuasa dan arahan adalah secara langsung daripada Datuk Seri Najib," ujarnya.

Saksi berkenaan juga tidak pernah melaporkan 'perkara tidak betul' itu kepada pihak berkuasa kerana hormat dan takut kepada Najib yang ketika itu Perdana Menteri Malaysia dan merupakan satu-satunya pemegang saham dan pemegang kuasa mutlak dalam 1MDB.

"Saya juga takutkan karier pekerjaan saya akan terjejas walaupun dalam masa sama risau akan kedudukan Meteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang menjadi penjamin kepada pinjaman 1MDB.

"Sekiranya 1MDB gagal membayar hutang-hutang tersebut maka kerajaan Malaysia akan menanggung hutang tersebut sekaligus menjejaskan ekonomi negara dan rakyat," kata Mohd. Hazem.

Saksi itu akan terus menyambung keterangan pada pemeriksaan utama di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah hari ini.